

12 JUN 2003

Khir-PUAS

PUAS AKAN HILANG HAK URUS AIR SELANGOR

SHAH ALAM, 12 Jun (Bernama) -- Perbadanan Urus Air Selangor Bhd (PUAS) akan kehilangan hak untuk menguruskan bekalan air milik kerajaan negeri Selangor berikutan kesediaan kerajaan negeri untuk menyerahkan keputusan penswastaaan pengurusan air kepada kerajaan pusat.

Sehubungan itu, PUAS mungkin akan dibubarkan sekiranya ia tidak dapat mencari kegiatan teras perniagaan lain.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata PUAS juga mempunyai pilihan untuk tidak dibubarkan dengan mengambilalih tanggungjawab untuk memelihara hak dan harta milik kerajaan negeri seperti empangan air, tanah, bangunan atau berkecimpung dalam perniagaan yang berkaitan air.

"PUAS ada beberapa peluang. Ia boleh dibubarkan atau dipertanggungjawabkan untuk menjaga hak kerajaan negeri ke atas empangan dan harta lain atau mulakan perniagaan baru yang ada hubung kait dengan air," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menteri Besar Bersama Pegawai Kerajaan di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata Selangor telah sekian lama mahu menswastakan pengurusan airnya, di mana urusan penswastaaan air adalah tertakluk dibawah nasihat dan panduan kerajaan pusat.

PUAS, anak syarikat milik penuh kerajaan negeri, ditubuhkan hasil pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) pada Mac tahun lepas.

Sebelum pengkorporatan itu, JBAS menyediakan perkhidmatan bekalan air ke seluruh Lembah Klang sejak 30 tahun.

Dr Mohamad Khir berkata beberapa syarikat akan berunding dengan kerajaan pusat untuk projek penswastaaan air di negeri itu.

Beliau berkata syarikat yang layak mengambilalih penswastaaan itu akan ditentukan oleh kerajaan pusat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan pusat mungkin mengambilalih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan bekalan air bersih berikutan ketidakupayaan kerajaan negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang menelan belanja yang tinggi.

Kebanyakan kerajaan negeri ketika ini menghadapi masalah membiayai peningkatan sistem pengagihan dan pembersihan air termasuk penggantian paip berikutan kos yang mencecah berbilion ringgit.

Sebelum ini dilaporkan kos menggantikan paip lama di Lembah Klang mencecah RM1 bilion.

Kebanyakan kerajaan negeri mendapatkan pinjaman dari kerajaan pusat bagi melaksanakan projek itu tetapi tidak membayar semula pinjaman tersebut.

Kuasa memberi hak dan tanggungjawab berhubung air kepada negeri termaktub dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

Dr Mohamad Khir berkata kerajaan negeri tidak mungkin dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna tanpa bantuan kerajaan pusat.

"Bagi saya, dalam keadaan pembangunan yang begitu pantas, perbelanjaan untuk membeli bekalan air sempurna adalah tinggi. Jadi saya rasa wajar dijalankan oleh kerajaan pusat," kata beliau.

--BERNAMA

LES ZB